

Ketepikan keuntungan jangka pendek — Mahathir

KUALA LUMPUR 21 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru rakyat Malaysia mengeneipkan keuntungan jangka pendek untuk kepentingan pertumbuhan jangka panjang di samping menyingkir perasaan mencurigai antara satu sama lain bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, di dalam kata-kata aluannya dalam laporan Rancangan Malaysia Kelima (RML) menegaskan, tempoh RML merupakan tempoh penuh cabaran, oleh itu perlulah setiap rakyat berkorban bagi mengelakkan kemelesetan ekonomi yang dialami sekarang terus menjejaskan negara.

“Tempoh RML merupakan tempoh yang penuh cabaran kepada negara dan rakyat hendaklah menghadapinya dengan bersedia mengeneipkan keuntungan-keuntungan jangka pendek untuk kepentingan pertumbuhan jangka panjang.

“Kegagalan untuk membuat pengorbanan sekarang boleh menjejaskan pembangunan ekonomi sehingga amat sukar sekali untuk mencapai semula kepesatan pembangunan ekonomi seperti tahun-tahun yang lepas,” tambahnya.

Kata Perdana Menteri, sekiranya kita hendak mengekalkan pencapaian sekarang dan usaha-usaha mencapai perpaduan negara, perasaan kerugian atau rasa diketepikan dari kalangan masyarakat Malaysia perlulah dikikis agar segala halangan pertumbuhan ekonomi negara tidak timbul lagi.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, tempoh lima tahun 1986-90 ini merupakan bahagian keempat dan terakhir bagi Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) 20 tahun yang dilaksanakan sejak 1971 lalu, oleh itu perlulah semua pihak termasuk sektor swasta mengembleng tenaga bagi memastikan kejayaannya.

Beliau juga menyatakan, kerajaan akan terus memberi kepimpinan bagi mewujudkan suasana pelaburan yang lebih menarik dan menggerakkan beberapa kegiatan dalam negeri seperti pengeluaran makanan, pembinaan jalan raya dan pembinaan rumah kos rendah.

“Langkah-langkah ini adalah perlu terutamanya memandangkan keadaan pengangguran yang semakin meningkat,” kata Perdana Menteri lagi.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan, dalam tempoh RML ini sektor swasta hendaklah menjadi penggerak dalam ekonomi kerana penglibatan kerajaan dalam ekonomi perlu dikurangkan.

Beliau juga menegur sektor swasta yang hanya menghadkan kegiatan mereka dalam bidang-bidang kewangan, pembangunan hartanah dan ladang dengan mengeneipkan sektor pembuatan.

“Untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang bermakna, sektor swasta Malaysia mestilah melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan pembuatan untuk eksport,” katanya.